

MALAM MESRA RAKYAT



Malam Mesra Rakyat yang merupakan acara penutup bagi **Program Sambutan Bulan Kemerdekaan KUKUM** diadakan di medan letak kereta KUKUM, Kubang Gajah pada **24 September 2002**. Pelbagai persembahan menarik telah diadakan untuk memenuhi jadual acara penutup ini, antaranya ialah **persembahan wayang kulit Asun** yang juga diselitkan dengan **persembahan gendang keling**.

Kumpulan Indigo dan **Yassin** adalah antara artis yang telah mengadakan persembahan pada malam tersebut. Objektif aktiviti ini adalah untuk memperkenalkan KUKUM kepada masyarakat di Negeri Perlis di samping beramah mesra dengan rakyat. Semua masyarakat dan penduduk Perlis telah dijemput hadir.